

Noor Mohamad
Shakil Hameed

HARIAN METRO

HINDAR JADI 'POSMEN'

Sejak kali pertama menjadi Perdana Menteri hingga kali kedua sekarang Tun Dr Mahathir Mohamad cukup berminat serta sangat fokus dan konsisten untuk mencapai impian menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar yang berjaya. Perdana Menteri berharap negara kita tidak lagi secara berterusan menjadi negara pengguna produk keluaran orang lain sebaliknya bangkit menjadi negara pengeluar pelbagai produk dan teknologi.

Untuk mencapai impian ini, Dr Mahathir secara konsisten dalam pelbagai forum dan program mengingatkan industri dan juga rakyat mengenai kepentingan dan keperluan untuk menjadi negara pengeluar. Baru-baru ini beliau mengulangi saranan yang sama ketika berucap pada majlis pelancaran makmal Persatuan Pembangunan UAV Malaysia (Muda). Dalam majlis ini beliau menzhirkir kerisauan betapa kita begitu jauh ketinggalan dalam aspek ini kerana kita lebih suka menggunakan barang yang dicipta dan dihasilkan orang lain dan kita tidak menghasilkannya sendiri. Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mencontohi China dalam menguasai teknologi yang membolehkan negara itu menjadi pengeluar utama banyak produk, malah tambah beliau China juga sudah mula membabitkan diri dalam menghasilkan kapal terbang, roket, satelit serta mampu menghantar manusia ke angkasa. Seterusnya Dr Mahathir melontarkan cabaran jika China boleh melakukan semua ini, kenapa rakyat Malaysia tidak boleh?

Penulis berpandangan sudah tiba masanya untuk semua pihak di negara ini bangkit menyahut cabaran Perdana Menteri ini. Kita percaya dengan laungan keramat Malaysia Boleh tiada apa yang mustahil dan kita mampu melakukannya. Dalam konteks ini elok kita belajar dan ambil iktibar dengan kejayaan China yang begitu cepat dan pesat membangunkan pelbagai industri dan teknologi untuk menjadi antara negara pengeluar utama di dunia sekarang.

Kita percaya perkara yang paling asas ialah pembentukan modal insan atau sumber manusia anak tempatan yang berkemahiran tinggi. Hal ini kerana tanpa kemahiran yang diperlukan kita tidak mungkin menjadi negara pengeluar yang mampu mencipta sebarang produk mahupun inovasi untuk dieksport ke negara luar. Justeru, tumpuan banyak perlu diberikan kepada aspek mengasah kemahiran rakyat kita. Untuk mencapai hasrat itu sudah semestinya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi bidang tumpuan dan tujuan utama kita.

TVET yang memberi penekanan

kepada pendekatan kemahiran selari dengan keperluan industri dilihat menjadi kunci utama ke arah membangunkan Malaysia sebagai negara pengeluar dan negara maju berpendapatan tinggi. Secara prinsipnya TVET berperanan menjadi ejen perubahan dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta ekonomi negara. Malah kita percaya TVET juga mampu melahirkan tenaga kerja tempatan yang diperlukan oleh industri dan negara bagi mengharungi fenomena Revolusi Industri 4.0 dan kepintaran buatan (AI). Oleh itu inisiatif kerajaan untuk melakukan penjenamaan semula TVET adalah sangat dialu-alukan, hal ini kerana ia mampu mengubah dan memperbetulkan pandangan dan persepsi negatif masyarakat yang sering beranggapan bahawa sistem pendidikan kemahiran ini sebagai pilihan kedua atau hanya dicebur oleh mereka yang tidak mempunyai kelayakan akademik yang baik.

Dalam hal ini masyarakat perlu melihat ke hadapan senario, hala tuju, tuntutan dan keperluan ekonomi, peluang pekerjaan serta potensi ekonomi tempatan dan juga global. Rata-rata pemain industri dan majikan bersetuju

Untuk mencapai hasrat itu (Malaysia negara pengeluar) sudah semestinya Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadi bidang tumpuan dan tujuan utama kita

bahawa masa depan banyak bergantung kepada modal insan yang berkemahiran tinggi serta mampu mengharungi cabaran kepesatan teknologi. Jadi ibu bapa perlu berani menyahut cabaran ini dan memberi peluang kepada anak-anak untuk meningkatkan kemahiran melalui TVET. Dengan ini anak-anak bukan saja mampu berdikari dan berjaya dalam kerjaya dan kehidupan masa depan tetapi turut boleh menyumbang ke arah mencapai impian menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar.

Pada masa sama pihak industri juga perlu memainkan peranan yang signifikan untuk menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar. Pemain industri perlu berani meneroka segala ruang dan peluang serta teknologi yang ada untuk mengeluarkan pelbagai produk dan teknologi yang boleh dieksport dan memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.

Kita tidak mahu pihak industri masih di takuk lama dengan kebanyakannya menjadi 'posmen' atau orang tengah semata-mata iaitu mengimport produk dari luar dan kemudian menjual di pasaran tempatan ataupun mengesport semula ke negara lain. Sahutlah cabaran Perdana Menteri kerana pihak industri adalah pemain utama dalam menjayakan impian ini.

Untuk itu kita harap industri tempatan akan berani membuat pelaburan ke atas latihan kemahiran pekerja dan juga penerokaan teknologi yang diperlukan. Latihlah pekerja tempatan untuk menjadi pekerja berkemahiran tinggi yang boleh membantu mengeluarkan produk dan inovasi yang hebat. Dan berilah peluang dan kepercayaan kepada anak tempatan buktikan kemampuan dengan meneroka pelbagai ciptaan, teknologi dan inovasi yang baru.

Di samping itu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan juga perlu lebih agresif dan bersedia meneroka peluang baru termasuk menggunakan platform revolusi perindustrian keempat untuk terus mencipta pelbagai produk bertaraf antarabangsa. Usahawan ini perlu ubah mentaliti dan cara kerja supaya mampu menghasilkan produk yang kompetitif di pasaran

global. Kita tidak mahu industri ini syok sendiri serta menjadi umpama hidup segan, mati tak mahu. Sampai bila usahawan ini kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang itupun dengan banyak bergantung harap kepada pelbagai bantuan kerajaan.

Sudah tiba masanya usahawan PKS melakukan transformasi secara total demi kelestarian dan survival kehidupan mereka.

Terapkan teknologi dan inovasi yang diperlukan serta keluarkan produk yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran dunia. Penulis percaya kerajaan bersedia untuk membantu usahawan yang berani dan sanggup ambil risiko untuk tembusi pasaran dunia dengan pelbagai pengeluaran produk baru. Percayalah golongan usahawan ini boleh memberi sumbangan yang signifikan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar.

Sedarlah impian menjadi negara pengeluar bukan suatu yang mustahil. Sekali lagi kalau China boleh lakukan, kenapa kita tidak boleh? Dengan bantuan kerajaan, sumbangan serta peranan pihak industri dan usahawan serta dengan semangat Malaysia Boleh kita mampu melakukannya.

Penulis Timbalan Pendaftar Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia

Dialog Kotaraya

Oleh Juragan

